

PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Ilahi atas kejayaan dan kerjasama antara Universiti Teknologi MARA dengan rakan industri iaitu Pfizer (Malaysia) Sdn. Bhd dalam menjayakan Program *UiTM Health Competition "Raising Awareness on Rare Disease & Mental Health"* kepada para belia di seluruh negara. Kesedaran terhadap penyakit jarang jumpa dan kesihatan mental di Malaysia masih berada pada tahap rendah. Oleh itu, program yang melibatkan pertandingan seumpama ini dijangka dapat memperkasa pemahaman bukan sahaja dalam kalangan belia, malah masyarakat secara keseluruhannya. Di samping itu, ia mampu memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk berhadapan dengan keadaan ini dengan hati terbuka.

Misi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah untuk membangun dan mewujudkan persekitaran pengajian tinggi yang menggalakkan ke arah menghasilkan pusat ilmu yang unggul dan melahirkan insan yang kompeten, berinovasi dan berakhlak mulia bagi memenuhi keperluan negara dan antarabangsa. Konsep model *quadraple-helix* yang mana menggabungkan empat pihak berkepentingan iaitu KPT, universiti awam, komuniti dan industri merupakan model terbaik yang digunapakai oleh U4S Zon Tengah Wilayah di samping, melibatkan elemen kelima model *penta helix* iaitu memastikan penglibatan media dalam setiap projek yang dijalankan. Justeru, diharapkan Buku "Memperkasa Komuniti Sejahtera" ini dapat dijadikan panduan, rujukan dan aspirasi kepada rakan-rakan universiti dan industri di seluruh Malaysia agar terus menjayakan program komuniti yang berimpak agar masyarakat Malaysia menjadi komuniti sejahtera yang progresif dan dinamik.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan program 'UiTM Health Competition' dan buku "Memperkasa Komuniti Sejahtera". Semoga program kesedaran terhadap penyakit jarang jumpa dan kesihatan mental dan penerbitan buku "Memperkasa Komuniti Sejahtera" ini akan dapat membantu usaha KPT dan Insitusi Pengajian Tinggi dalam membangunkan kecemerlangan pengajian tinggi negara di peringkat serantau dan antarabangsa.

Sekian, wassalam.

YB. Datuk Seri Haji Mohamed Khaled Nordin

Menteri Kementerian Pendidikan Tinggi